



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## KENYATAAN MEDIA

### DIALOG BELANJAWAN 2024

#### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

---

**KUALA LUMPUR, 22 Ogos 2023** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah mengadakan Sesi Dialog Belanjawan 2024 yang merupakan sesi bagi mendapatkan maklum balas secara terus daripada para pemegang taruh yang terlibat dalam agenda pembangunan keusahawanan negara.

Dialog ini telah berjaya menarik seramai 356 peserta daripada pelbagai persatuan perniagaan, koperasi, dewan perniagaan dan para usahawan untuk turut serta. Seramai 26 peserta telah mengajukan sebanyak 55 soalan dan pandangan dalam dialog ini. Selain itu, dialog ini turut dihadiri oleh Pasukan Belanjawan daripada Kementerian Kewangan (MOF).

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick menerusi ucapannya berkata semua pandangan dan cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh peserta akan dijadikan perbincangan dan input dalam Belanjawan 2024 yang akan oleh YAB Perdana Menteri dibentangkan oktober ini.

Sesi dialog seterusnya akan diadakan pada 7 September 2023 di Sabah melibatkan persatuan perniagaan, koperasi, dewan perniagaan dan para usahawan dari Sabah dan Sarawak.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Usahawan) KUSKOP, Datuk Haji Zamri Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pemantauan) dan Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Ketua-ketua agensi dan pegawai-pegawai kanan kementerian.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**